YAYASAN PENERAJU PENDIDIKAN BUMIPUTERA

**Soalan-soalan Lazim**

**Peneraju Profesional Data Star**

## A. MENGENAI PROGRAM

**1. Apakah matlamat program Peneraju Profesional Data Star**

Peneraju Profesional Data Star adalah salah satu program inisiatif Yayasan Peneraju meningkatkan penyertaan Bumiputera di dalam bidang Teknologi khususnya Data Raya Profesional sejajar dengan perkembangan pesat IR 4.0 di Malaysia.

Bagi memenuhi permintaan industri yang semakin tinggi untuk penganalisa data raya dari pelbagai spektrum, Peneraju Profesional Data Star menawarkan tiga trek berbeza: ***Data Engineer***, ***Data Analyst*** dan ***Junior Data Scientist***. Ketiga-tiga trek ini memberi latihan spesifik mengikut rangkaian permintaan yang berbeza oleh industri, dan ia mampu memenuhi minat dan kecenderungan peserta yang berlainan sub-disiplin dalam bidang data raya.

Latihan program dijalankan secara sepenuh masa, yang mengsasarkan graduan lepasan ijazah sarjana muda untuk meraih pensijilan secara *fast-track* bagi menceburi kerjaya di dalam ekonomi digital berpendapatan kompetitif dengan sasaran tidak kurang daripada RM3,000 sebulan.

**2. Apakah syarat-syarat untuk memohon program Peneraju Profesional Data Star – Data Analyst?**

- Warganegara Malaysia dan Bumiputera;
- Umur di antara 21 hingga 28 tahun semasa mengikuti Program;
- Calon disahkan sihat oleh pegawai perubatan hospital kerajaan/swasta serta disahkan bebas dari penyakit berjangkit atau penyakit kronik (yang memerlukan rawatan dan penjagaan doktor) (jika berkenaan);
- Berminat memasuki Program yang merangkumi latihan serta pekerjaan;
- Merupakan graduan lepasan ijazah sarjana muda komputer sains, teknologi maklumat, kejuruteraan, matematik, statistik, sains hayat, sains aktuari, ekonomi, robotik dan automasi, kecerdasan buatan, perniagaan dan komersial, kewangan dan perbankan, dan bidang-bidang lain yang berkaitan;
- Pengalaman kerja tidak lebih dari 3 tahun (sekiranya ada);
- Terma-terma lain yang telah dipersetujui.

**3. Apakah peluang yang ditawarkan kepada peserta Peneraju Profesional Data Star?**

Pensijilan profesional yang khusus seterusnya peluang pekerjaan di dalam bidang teknologi, dengan sasaran pendapatan tidak kurang daripada RM3,000 sebulan dalam tempoh dua belas (12) bulan selepas tamat latihan.

**4. Adakah terdapat bayaran yang dikenakan kepada calon yang berminat?**

Tidak. Peneraju Profesional Data Star adalah program pembiayaan pendidikan penuh dengan syarat-syarat berikut:

| SEKSYEN | PERKARA & BUTIR - BUTIR | |
|---|---|---|
| 1 | **SKIM PEMBIAYAAN : PEMBIAYAAN PENDIDIKAN PENUH** | |
| | **Syarat-syarat Kelayakan** | i. Lulus dan tamat pengajian program dalam masa yang ditetapkan; dan<br>ii. Lulus semua peperiksaan dalam satu (1) kali percubaan. |
| | **Nilai Pembayaran Balik** | Dikecualikan. |
| | **Tempoh Bayaran Balik** | Dikecualikan. |
| 2 | **SKIM PEMBIAYAAN : PEMBIAYAAN SEPARA** | |
| | **Syarat-syarat Kelayakan** | i. Lulus dan tamat pengajian program dalam masa yang ditetapkan; dan<br>ii. Lulus semua peperiksaan melebihi satu (1) kali percubaan. |
| | **Nilai Pembayaran Balik** | 20% daripada jumlah atau nilai pembiayaan pendidikan. |
| | **Tempoh Bayaran Balik** | Bermula tiga (3) bulan dari tarikh penamatan pengajian program. |
| 3 | **SKIM PEMBIAYAAN : PINJAMAN PENDIDIKAN** | |
| | **Syarat-syarat Kelayakan** | i. Melanggar perjanjian; atau<br>ii. Tamat pengajian program melebihi tempoh masa yang ditetapkan. |
| | **Nilai Pembayaran Balik** | 100% jumlah atau nilai pembiayaan pendidikan dan dibayar secara penuh. |
| | **Tempoh Bayaran Balik** | Bermula tiga (3) bulan dari tarikh penamatan pengajian program atau pelanggaran perjanjian ini (mana-mana yang terdahulu). |

**5. Adakah program ini dibuka kepada calon daripada semua negeri?**
Ya, program ini dibuka kepada calon di seluruh Malaysia. Walaubagaimanapun, latihan akan dijalankan di **Lembah Klang sahaja buat masa ini,** pembukaan latihan di lokasi lain bergantung kepada keadaan semasa.

**6. Bagaimanakah dengan peluang pekerjaan selepas tamat latihan?**
Tawaran pekerjaan di dalam bidang teknologi data raya dan bidang lain yang berkaitan akan ditawarkan kepada peserta selepas tamat latihan, bergantung kepada prestasi peserta sepanjang kursus dijalankan.

**7. Adakah saya akan terikat dengan Yayasan Peneraju selepas tamat program Peneraju Profesional Data Star?**
Tidak. Peserta tidak terikat dengan Yayasan Peneraju. Walaubagaimanapun, peserta perlu bekerja di Malaysia, atau sekiranya di luar Malaysia, bekerja dengan syarikat berdaftar di Malaysia dalam tempoh satu tahun selepas tamat program.

**8. Adakah saya diperlukan untuk menandatangani sebarang bentuk kontrak atau perjanjian?**
Ya, perjanjian pembiayaan pendidikan akan disediakan untuk semua peserta program.

**9. Bolehkah saya menolak tawaran sekiranya saya disenarai pendek untuk menyertai program ini?**
Boleh, selagi mana surat tawaran tidak ditandatangan dan dihantar ke pihak Yayasan Peneraju.

**10. Adakah sebarang tindakan akan dikenakan sekiranya saya melanggar isi kandungan kontrak?**
Peserta perlu membayar balik kesemua kos yang telah ditanggung oleh Yayasan Peneraju bagi tujuan pembiayaan pendidikan program.

**11. Apakah jenis bantuan yang akan ditanggung sepanjang program berlangsung?**

- Yuran latihan dan pensijilan
- Program Pembangunan & Pemupukan (*Nurture & Development Programme*)
- Elaun bulanan tetap dan elaun penginapan

**12. Adakah peserta dibenarkan membuat tuntutan bayaran perjalanan untuk memasuki program?**
Tidak. Yayasan Peneraju tidak menanggung kos perjalanan dan kenderaan peserta sebelum, semasa dan selepas menyertai program.

**13. Sekiranya saya sudah menerima pinjaman / biasiswa dari pihak lain, adakah saya masih boleh menerima tawaran biasiswa di bawah tajaan Yayasan Peneraju?**
Tidak.

## B. PROSES PERMOHONAN

**1. Bagaimana cara untuk mendaftar?**
Permohonan boleh dibuat melalui laman web rasmi Yayasan Peneraju www.yayasanperaju.com.my atau terus berhubung dengan rakan program kami, The Center of Applied Data Science Sdn Bhd di 03-27322751 dan https://www.thecads.com/datastar/

**2. Apakah bentuk sesi Penilaian yang akan dijalankan?**

- Pengesahan dokumen-dokumen
- Penilaian bertulis
- Sesi temuduga

**3. Sekiranya saya berjaya, apakah proses selanjutnya?**
Semua peserta yang berjaya akan dihubungi melalui telefon / emel oleh rakan program kami.

**4. Sekiranya saya tidak berjaya, adakah saya akan dihubungi?**
Tidak.

## C. STRUKTUR PROGRAM

**1. Berapa lamakah program ini akan berlangsung dan apakah komponen yang terkandung?**

| Program | Peneraju Profesional Data Star – Data Engineer | Peneraju Profesional Data Star – Data Analyst | Peneraju Profesional Data Star – Junior Data Scientist |
|---|---|---|---|
| Jangkamasa Program | 19 hari latihan teknikal, 1 bulan penempatan pekerjaan serta 12 bulan pemantauan pekerjaan | 19 hari latihan teknikal, 1 bulan penempatan pekerjaan serta 12 bulan pemantauan pekerjaan | 28 hari latihan teknikal, 1 bulan penempatan pekerjaan serta 12 bulan pemantauan pekerjaan |

**2. Apakah contoh komponen *Nurture & Development Programme (NDP)* yang diterapkan dalam Program Profesional dan setiap program Yayasan Peneraju?**

Bagi Peneraju Profesional Data Star, penekanan diberikan dalam aspek disiplin dan jatidiri di kalangan peserta di samping persediaan untuk menceburi bidang pekerjaan yang berkaitan.

**3. Bilakah saya akan mula menerima bantuan biasiswa?**

Sebaik sahaja program bermula.

4. **Bilakah permohonan akan dibuka?**

| **Permohonan** | **Jangkamasa** |
|---|---|
| Permohonan akan dibuka pada | 10 Ogos 2020 |
| Program dijangka bermula pada | Kohort 1 – 24 Ogos 2020 (30 pax)<br>Kohort 2 – 2 November (30 pax) |